

Pas hanya peralat agama Islam — PM

UM 2 - OCT 2003

LANGKAWI 1 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa Pas memang tidak ada sebarang niat yang ikhlas untuk menubuhkan negara Islam tetapi hanya menjadikan slogan tersebut semata-mata bagi memancing undi.

Menurut Perdana Menteri, memang sejak dari dahulu lagi parti yang menggunakan nama Islam itu tidak konsisten dalam memperjuangkan Islam, tetapi hanya memeralatkan agama itu.

“Memang dia guna (slogan) negara Islam sebagai satu isu untuk pancing undi, tidak ada niat ikhlas untuk membuatnya,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet di Rumah Kabinet di Gunung Raya, di sini hari ini.

Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang turut bersetuju dengan pendapat itu berkata, Pas memang tidak mempunyai satu dasar yang tetap berhubung penubuhan negara Islam, sebaliknya lebih mementingkan undi dan keuntungan politik semata-mata.

“Kepada orang Islam mereka cakap lain, manakala di depan bukan Islam pula, cakap lain,” tegas Abdullah di tempat yang sama.

Mereka mengulas percanggahan pendapat mengenai pendirian Pas berhubung Islam dan negara Islam yang dinyatakan oleh Naib Presiden Pas, Mustafa Ali dan Presiden Pas, Datuk Seri Hadi Awang.

Mustafa yang diwawancara dalam program *Hardtalk* British Broadcasting Corporation (BBC) memberitahu penonton di seluruh dunia, bahawa negara Islam bukannya suatu objektif dalam Perlembagaan Pas.

Sebaliknya, beliau mendakwa media menggunakan istilah negara Islam untuk menakutkan orang bukan Islam.

Dalam masa yang sama, Hadi pula berkata, Terengganu akan mewartakan enakmen Undang-Undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) sebelum hujung bulan ini dan menguatkuasakannya sertamerta.

Dr. Mahathir turut menyelar Pas yang dikatakan berjuang untuk menubuhkan negara Islam sedangkan negara ini telah dianggap oleh negara-negara lain sebagai sebuah negara Islam.

“Apa perlunya (perjuangan itu) kerana negara kita telah dianggap oleh seluruh dunia bukan sahaja sebagai negara Islam tetapi contoh sebuah negara Islam,” tegasnya.

Menurut Perdana Menteri lagi, dari segi nama juga, Pas tidak Islam sama sekali kerana para pemimpinnya mengatakan Tuhan mencarut di samping memaki orang dan melempar fitnah.

“Sebab itulah di negara lain, mereka tidak suka mencampuradukkan perkataan Islam dalam nama kerana apabila berlaku sesuatu yang buruk dan bertentangan dengan ajaran Islam, orang akan kata...ah...itulah Islam,” ujarnya.

Beliau hairan bagaimana ada orang yang sanggup menyokong Pas kerana mengatakan parti itu Islam sedangkan ia sebenarnya bukan Islam tetapi memeralatkan agama itu sahaja.

Menurut Abdullah, kenyataan Mustafa bahawa kerajaan negeri tidak ada cadangan meminda perlembagaan bercanggah dengan Hadi yang menyebut bahawa kerajaan akan mewujudkan undang-undang hudud yang meliputi kanun jenayah dalam perlembagaan dan ia meliputi semua negeri.

“Sebab itu undang-undang hudud Terengganu menghadapi masalah bercanggah dengan perlembagaan, tetapi di satu pihak, Mustafa berkata tiada cadangan ubah perlembagaan, lain negeri lain undang-undang berkaitan Islam,” ujarnya.